

Headline	Bergantung pada teknologi industri huluhan yang efektif		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Jul 2017	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	606 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,105
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,316



Bergantung pada teknologi industri huluhan yang efektif

TEGASNYA lagi, usaha untuk mengeluarkan bahan mentah ini amat bergantung pada teknologi industri huluhan yang efektif agar bahan mentah yang dikeluarkan memenuhi kualiti minimum ditetapkan.

Sementara itu, Timbalan Pengarah, Program Agronomi dan Sistem Pengeluaran (RI-02), Pusat Penyelidikan Padi dan Tanaman Industri, Mardi, Wan Zaki Wan Mamat berkata, dari semasa ke semasa kerajaan sentiasa berusaha membangunkan industri herba negara.

"Kerajaan memberi penekanan dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan

beberapa lagi inisiatif yang dijangka akan dapat membantu merancakkan lagi industri ini," katanya.

Menurutnya, Mardi sebagai salah satu agensi R&D telah diberi peranan untuk mengetuai sektor industri huluhan tanaman herba negara.

"Dalam usaha ini, Mardi mengatur beberapa langkah ke arah menjayakan industri herba negara termasuklah aspek etnobotani, pemuliharaan, penanaman, pengendalian lepas tuai, pemprosesan primer dan pembangunan produk berasaskan herba," jelasnya lagi.

Tambahnya lagi, pengumpulan herba ke dalam germplasma Mardi dilaksanakan dan data mengenainya dimasukkan ke dalam Bank Gen Nasional yang merekodkan semua herba utama di negara ini.

"Seterusnya, bahan tanaman ini akan dikumpul ke dalam koleksi germplasma bagi memastikan penerusan generasi herba berkenaan.

"Usaha ini turut dilakukan dengan kerjasama agensi atau jabatan yang dimandatkan dalam bidang ini dan kolaborasi ini dijangka mampu meningkatkan lagi kemajuan industri herba negara," katanya.

Wan Zaki berkata, Projek Permulaan 1 atau Entry Point Project-1 (EPP1) melalui Majlis Herba Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah cuba menggerakkan industri ini ke tahap yang lebih tinggi dengan menubuhkan lima pusat kecemerlangan.

Menurutnya, setiap pusat kecemerlangan tersebut masing-masing akan menerajui R&D dalam bidang penemuan atau penemuan, penge-

luaran tanaman dan agronomi, pemiawaian dan pembangunan produk, kajian praklinikal dan pemprosesan pengilangan.

"Pusat kecemerlangan ini akan bertanggungjawab untuk mengkoordinasi penyelidikan, membangunkan kolaborasi strategik penyelidikan antara institusi dalam negara dan antarabangsa, memastikan kualiti output penyelidikan dan juga memperoleh hak milik intelektual ke atas penemuan penyelidikan," jelasnya.

Katanya lagi, pusat kecemerlangan tersebut dianggotai oleh pelbagai agensi, jabatan

dan institusi berkaitan dengan herba terdiri daripada institusi penyelidikan seperti Mardi dan **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim)**, universiti seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), Kementerian Kesihatan dan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan.

Headline	Bergantung pada teknologi industri hulu yang efektif		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	17 Jul 2017	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	M1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	606 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,105
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,316



Dari semasa ke semasa kerajaan sentiasa berusaha membangunkan industri herba negara.



Herba amat berguna dalam aspek penjagaan kesihatan tetapi berisiko kerana boleh mengakibatkan kesan buruk apabila disalahgunakan.



Majoriti bekalan bahan mentah industri herba negara diperoleh dari sumber import